

Soalan 1: Rumusan
[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian buat satu rumusan tentang **tindakan mengatasi masalah disiplin murid dan kesan masalah itu kepada negara**. Panjangnya rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Pada masa ini Kementerian Pendidikan Malaysia sedang berusaha untuk memperkasakan pendidikan di negara kita kerana pendidikanlah yang akan menentukan hala tuju sesebuah negara. Menerusi pendidikan juga kita akan dapat melahirkan pemimpin yang berwibawa, berkaliber dan kental jati diri. Walau bagaimanapun, hasrat murni kementerian ini menghadapi beberapa kekangan, antaranya termasuklah masalah disiplin murid di sekolah-sekolah.

Untuk mengatasi masalah ini, kementerian telah menubuhkan Jawatankuasa Petugas Khas Menangani Masalah Disiplin. Sehingga tahun 2004, sebanyak 250 pendapat awam diterima di samping ratusan aduan yang dikatogerikan dalam masalah salah laku murid. Tindakan yang diambil oleh Kementerian Pendidikan adalah dengan membuka talian penting dan e-mel untuk mangsa buli dan keganasan di sekolah. Dengan cara ini, Kementerian Pendidikan akan mendapat maklumat tentang masalah disiplin dengan lebih tepat. Ibu bapa dan orang awam boleh membuat aduan tentang masalah disiplin murid. Selain itu, maklumat boleh disalurkan melalui sistem pesanan ringkas (SMS) kepada pegawai yang bertanggungjawab.

Bagi menangani masalah disiplin yang berat, pihak sekolah dibenarkan untuk mendapat bantuan daripada polis. Sekiranya perlu, pihak polis dibenarkan untuk menahan murid yang berada di luar kawasan sekolah pada waktu persekolahan. Kementerian Pendidikan telah mengingatkan pihak sekolah bahawa mereka boleh dikenakan tindakan tatatertib jika menyembunyikan kes disiplin yang berlaku di sekolah masing-masing. Hal ini demikian kerana Kementerian Pendidikan menerima laporan bahawa terdapat pihak pentadbir sekolah terutamanya sekolah yang berstatus elit, cuba menutup kes disiplin di sekolah mereka.

Sebenarnya masalah disiplin yang berlaku ini boleh ditangani menerusi prosedur yang sedia ada seperti mengenakan hukuman rotan, denda, gantung sekolah dan buang sekolah. Namun demikian, sebelum hukuman dikenakan, setiap kes itu mestilah disiasat puncanya terlebih dahulu. Tindakan ini diambil supaya kita dapat berlaku adil kepada murid tersebut kerana ada murid yang melakukan kesalahan disiplin semata-mata kerana ingin akan perhatian dan mereka sebenarnya bukan penjenayah. Kita akui bahawa masa depan negara amat bergantung pada kejayaan dan kemantapan sistem pendidikan. Kemantapan ini pula bergantung pada kecemerlangan kakitangan Kementerian Pendidikan melaksanakan peranan masing-masing. Dengan itu, akan tercapailah hasrat negara untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Rumusan ini tentang _____
kepada negara.

Antara _____ ialah kementerian telah menubuhkan Jawatankuasa Petugas Khas Menangani Masalah Disiplin dan membuka talian penting dan e-mel untuk mangsa buli dan keganasan di sekolah. Ibu bapa dan orang awam boleh membuat aduan tentang masalah disiplin murid. _____ maklumat boleh disalurkan melalui sistem pesanan ringkas kepada pegawai yang bertanggungjawab. _____ pihak sekolah dibenarkan mendapat bantuan daripada polis. Masalah disiplin juga boleh ditangani menerusi prosedur yang sedia.

Antara _____ ialah kejadian jenayah meningkat _____ imej negara terjejas di mata dunia.

_____ masalah disiplin murid perlu diberi perhatian oleh semua pihak _____ modal insan cemerlang dapat dilahirkan.

(_____ patah perkataan)

cara-cara mengatasi masalah disiplin murid di sekolah dan kesan masalah itu

tindakan mengatasi masalah disiplin murid

Kesimpulannya,

dan

kesan masalah disiplin kepada negara

agar

Seterusnya,

116

Selain itu,